

23 pelajar UnisZA bersihkan telekung di masjid, surau

Kuala Nerus: Seramai 23 pelajar Ijazah Sarjana Muda (Antropologi dan Dakwah) Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), bekerjasama membasuh telekung yang disediakan di masjid dan surau universiti itu.

Menerusi program Sarong Ma yang#dokbaudoh itu, sukarelawan terbabit memastikan telekung yang disediakan sentiasa bersih

dan tidak berbau busuk.

Program itu juga bertujuan mendidik masyarakat supaya mengamalkan ajaran Islam sebenar dengan menjaga kebersihan dan keserasian di dalam masjid dan surau.

Pengarah Projek, Izzat Imran Wahid, berkata pihaknya menerima sumbangan lebih 100 pasang telekung yang dijahit dengan label

'Sarong Mayang' bagi memudahkan kumpulan sukarelawan itu menukar setiap telekung yang berbau dan kotor.

Didik masyarakat

Selain membersihkan telekung, sejadah dan ruang solat dalam masjid, hasrat kami adalah mendidik masyarakat supaya lebih prihatin dengan keadaan pakaian so-

lat sebelum beribadah.

"Kami juga mahu menerapkan sikap bertanggungjawab dalam menjaga barang wakaf yang disediakan.

"Masalah yang biasa terjadi kepada wanita Muslim apabila hendak solat ialah telekung yang disediakan di masjid atau surau hapak. Malah, ada juga telekung yang ada kesan solekan dan bintik hi-

tam kerana basah dan tidak digantung dengan baik," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan bakul di dalam masjid dan surau pada setiap hujung minggu untuk mengumpul telekung yang hendak dibasuh.

"Orang ramai juga boleh membantu membasuh telekung ini dan kemudian meletakkannya di tempat asal selepas dicuci," katanya.